

## **AGROPOLITAN TINGKATKAN PENDAPATAN DAN KUALITI HIDUP LUAR BANDAR**

Kerajaan persekutuan sentiasa berusaha menghapuskan kemiskinan dalam kalangan penduduk Luar Bandar dengan menggalakan rakyat membabitkan diri dalam sektor perladangan. Objektif utama projek Agropolitan ialah menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan, peningkatan kualiti hidup serta membangunkan kawasan mundur, terpencil dan terbiar. Keseluruhan projek Agropolitan ini melibatkan peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak 160 juta. Antara Komponen yang terlibat dalam pembangunan projek Agropolitan ialah pembangunan fizikal, modal Insan dan ekonomi. Kumpulan Sasar yang terlibat dalam program ini adalah mereka yang berada dibawah garis kemiskinan (PGK) semasa ditentukan secara telus melalui sistem e-Kasih dan mereka yang diluluskan dari *'focus group'* kemiskinan Negeri.

Projek Agropolitan juga merupakan antara inisiatif dalam usaha menjana sumber pendapatan tetap bagi masyarakat desa. RISDA antara Agensi pelaksana yang diberi kepercayaan untuk mengurus, melaksanakan dan memantau pembangunan ladang dan peruntukkan projek Agropolitan yang ditentukan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Antara projek Agropolitan yang diuruskan RISDA ialah :

- I. Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang (Luas 202 Hektar, 50 unit penempatan)
- II. Agropolitan Chemomoi, Bentong, Pahang (Luas 523 Hektar, 200 unit penempatan)
- III. Agropolitan Ganda, Gerik, Perak (Luas 1,011 Hektar, akan dibina 400 unit penempatan)
- IV. Agropolitan Gunung Sadok, Ulu Awik, Betong, Sarawak (Luas 330 Hektar)
- V. Agropolitan RASCOM Nanga Sekuau, Sibuloh, Sarawak (Luas 536 Hektar)

Projek Agropolitan terbahagi kepada dua iaitu projek ladang sejahtera dan ladang komersial. Projek ladang sejahtera membabitkan penanaman getah dan kelapa sawit manakala ladang komersial adalah tanaman yang bersifat tanaman tunai (*cash crop*). Kedua-dua projek ini dilihat berupaya mengeluarkan peserta dari garis kemiskinan, mewujudkan ekonomi mapan serta terancang dalam sektor pertanian. Penekanan khusus diberikan kepada peserta program bagi meningkatkan produktiviti industri getah Negara dengan mengamalkan *good agriculture practice (GAP)*. Selain itu konsep pembangunan penempatan didalam Agropolitan juga memudahkan masyarakat luar bandar bekerja

didalam ladang tersebut. Antara kemudahan yang terdapat didalam projek penempatan Agropolitan seperti kemudahan dewan, tadika, surau, gerai, bekalan elektrik dan air.

Peluang pekerjaan adalah salah satu Impak yang diperolehi oleh peserta program ini. Selain itu peningkatan pendapatan peserta dan kemudahan prasarana dan infrastruktur yang baik didalam penempatan Agropolitan juga telah meningkatkan kualiti kehidupan peserta. Kemudahan seperti bekalan elektrik, bekalan air yang bersih, keselesaan rumah, surau, dewan serbaguna, pusat tuisyen, taska/tadika dan gerai mampu memberikan persekitaran kehidupan yang lebih baik kepada peserta dan keluarga. Dahulunya kawasan mundur, terpencil dan terbiar telah dibangunkan untuk kesejahteraan rakyat luar bandar. Program ini juga telah membantu kepada pencapaian penurunan Index paras garis kemiskinan (PGK) dalam sektor pertanian pada tahun 2016 khususnya di luar bandar.



**Agropolitan Chemomoi**



**Getah Matang**



**Agropolitan Chemomoi**



**Penempatan Agropolitan**



**Surau**



Taska



Tadika



4 Unit Kedai



Stor Pertanian



Pusat Tuisyen

**Antara Infrastruktur Untuk Kemudahan Peserta**